

# SEMPENA PENILAIAN TAPAK PENARAFAN BINTANG MALAYSIA RESEARCH ASSESSMENT (MyRA®) UNTUK PENCAPAIAN TAHUN 2014

## SESI PEMBUKAAN AUDIT



## UKM RANGKA STRATEGI UNTUK TERUS KEKALKAN STATUS UNIVERSITI PENYELIDIKAN

Pada tahun 2013, UKM telah berjaya mengekalkan status Universiti Penyelidikan melalui audit Malaysia Research Assessment (MyRA®) bagi tahun penilaian 2010-2013. Mulai tahun 2014, Penilaian Audit Universiti Penyelidikan akan dijalankan secara berkala bagi memastikan prestasi sebagai Universiti Penyelidikan adalah selari dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan negara.

### Sesi

Sesi penilaian tapak ini berlangsung selama dua hari mulai 12 hingga 13 Mei 2015 melibatkan enam panel penilai dan seorang Task Force yang telah dilantik oleh KPM diketuai oleh YBhg. Dato' Prof. Dr. Mohamed Isa Bin Abdul Majid. Turut hadir ialah Prof. Dr. Raha Bt. Abdul Rahim, Pengarah Bahagian Perancangan Kecemerlangan IPT (BPKI), KPM.

### Assessment

Dalam usaha bagi mengekalkan status Universiti Penyelidikan, UKM di bawah pucuk pimpinan Naib Canselor, YBhg. Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali telah merangka enam keberhasilan utama (KRA). Elemen penyelidikan dan inovasi telah digarapkan dalam bidang keberhasilan utama yang kedua iaitu **Penyelidikan dan Inovasi yang Berimpak Tinggi**. Kepakaran dan hasil penyelidikan UKM diharapkan dapat menyumbang secara tekal kepada pembangunan ekonomi dan sosial melalui ekosistem yang dapat memupuk penemuan inovasi, penyebaran dan penggunaan ilmu.

Penarafan UKM sebagai Universiti Penyelidikan telah banyak memberi impak positif kepada aktiviti penyelidikan UKM untuk mengatur strategi agar ianya selari dengan KRA-2 UKM. KPI bagi bidang keberhasilan utama kedua ini memfokuskan peratusan ahli akademik UKM menjadi pakar rujuk pihak berkepentingan (stakeholder) serta peratusan ahli akademik UKM mendapat pengiktirafan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Melalui penetapan KPI ini, beberapa strategi telah dirangka iaitu meningkatkan kesarjanaan yang diiktiraf, penghasilan & sumbangan penyelidikan dan pembangunan modal insan.

WELCOME | Thank you!

UCAPAN SELAMAT DATANG &  
UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA  
SEMUA PANEL PENILAI AUDIT MyRA® 2014

## Isi Kandungan

- BICARA KRA UKM
- PANEL AUDIT MyRA® 2014
- SISTEM ATAS TALIAN BERKAITAN PENYELIDIKAN
  - Sistem Maklumat Penyelidikan Universiti (SMPU)
  - Sistem e-Repositori Penerbitan (e-Rep)
  - Sistem UFAS
  - Sistem e-Iktiraf

- PERSEDIAAN AUDIT MyRA®
- SEKILAS PANDANG AUDIT MyRA®





## Keberhasilan Utama 2: Penyelidikan dan Inovasi yang Berimpak Tinggi

Kepakaran dan hasil penyelidikan UKM menyumbang secara signifikan kepada pembangunan ekonomi dan sosial melalui ekosistem yang dapat memupuk penemuan intelek, inovasi, penyebaran dan penggunaan ilmu.



**YBhg. Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali**  
Naib Canselor UKM

“Dengan mengambil kira cabaran dan harapan semasa yang semakin besar dan beragam, UKM menggerakkan seluruh sumber dan jentera untuk mencapai misinya menerusi enam bidang keberhasilan utama”

**Prof. Dato’ Dr. Mazlin Mokhtar**  
Timbalan Naib Canselor  
Hal-Ehwal Penyelidikan & Inovasi



“Penyelidikan Dan Inovasi Yang Berimpak Tinggi merupakan salah satu petunjuk keberhasilan UKM. Oleh itu, penyelidikan wajar dijadikan budaya hidup warga UKM agar dapat mencapai petunjuk-petunjuk prestasi utama di samping kita menghayati UKM sebagai Universiti Penyelidikan memainkan peranan penting membangunkan modal insan dan kepakaran untuk memacu Malaysia hingga ke tahap Negara Maju.”



**Prof. Dato’ Ir. Dr. Riza Atiq  
Abdullah O.K. Rahmat**  
Timbalan Naib Canselor  
Hal-Ehwal Akademik & Antarabangsa



**Prof. Dr. Imran Ho Abdullah**  
Timbalan Naib Canselor  
Hal-Ehwal Jaringan Industri & Masyarakat



**Prof. Datin Noor Aziah  
Mohd Awal**  
Timbalan Naib Canselor  
Hal-Ehwal Pelajar & Alumni



**Prof. Dr. Muhammad Fauzi Mohd. Zain**  
Pengarah  
Pusat Pengurusan Penyelidikan & Instrumentasi

“Saya yakin Keberhasilan Utama 2 yang memberi tumpuan kepada Penyelidikan dan Inovasi Yang Berimpak Tinggi akan dapat dihayati oleh semua warga UKM selaras dengan keperluan Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini kerana semangat proaktif warga UKM dalam meningkatkan keupayaan penyelidikan yang kompetitif mampu memenuhi pelbagai tuntutan dan cabaran dalam memberi penyelesaian kepada isu dan permasalahan komuniti serta industri di peringkat setempat dan global.”

# Sistem Atas Talian



# SISTEM ATAS TALIAN BERKAITAN PENYELIDIKAN

▪ Sistem Maklumat Penyelidikan Universiti (SMPU)

▪ Sistem UFAS

▪ Sistem e-Repositori Penerbitan (e-Rep)

▪ Sistem e-Iktiraf

## PENILAIAN TAPAK MEMBERI PELUANG PENAMBAH-BAIKAN SISTEM PENGKALAN DATA DI UKM

Penilaian Tapak Universiti Penyelidikan (MyRA®) yang pertama telah diadakan pada tahun 2013. UKM telah membuat penambahbaikan kepada sistem pangkalan data di samping mewujudkan beberapa sistem pangkalan data yang baru.

SMPU merupakan sistem yang menyimpan maklumat penyelidikan, pemantauan dan hasil penyelidikan. Sistem ini juga merupakan ‘jantung’ dalam pengurusan penyelidikan dan berintegrasi dengan sistem-sistem lain di UKM. SMPU diwujudkan pada tahun 2000 secara *client-based*. Tahun 2012, SMPU ditukar kepada *web-based* bagi memudahkan capaian maklumat dan pada tahun 2014 fungsi SMPU telah diperluaskan kepada pemantauan dan permohonan penyelidikan secara atas talian.

Sistem UFAS adalah sistem pengurusan kewangan UKM dan membantu dari segi pengurusan kewangan penyelidikan. Sistem eRepositori Penerbitan pula merupakan sistem yang merekodkan hasil penerbitan warga UKM. Selain itu, Sistem e-Iktiraf pula berfungsi untuk merekodkan semua maklumat anugerah dan pengiktirafan yang diterima oleh kakitangan di UKM.

Sistem-sistem yang dibangunkan di UKM telah mengambil kira semua keperluan data mengikut kriteria terutamanya 6 Bidang Keberhasilan Utama (KRA) UKM, MyRA® dan MyMohes. Ia juga memudahkan capaian pembuktian dan data dari semasa ke semasa.

## Panel Penilai Audit MyRA®



YBhg. Dato' Prof. Dr. Mohamed Isa bin Abdul Majid (USM)



YBrs. Prof. Dr. Mohd. Adzir bin Mahdi (UPM)



YBrs. Prof. Ir. Dr. Abdul Halim bin Mohamed Yatim (UTM)



YBrs. Prof. Dr. Normah binti Omar (UiTM)



YBrs. Prof. Dr. Awaluddin bin Mohamed Sharoun (UTM)



YBrs. Prof. Dr. Robiah binti Yunus (UPM)



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
The National University of Malaysia  
Pendaftar Amanah Negara

## TAHUN MELONJAK PENERBITAN UKM 2015

- 1 PENYELIDIKAN lebih bermakna DENGAN penerbitan.
- 2 Abstrak yang KUKUH menyampaikan maksud KAJIAN dengan JELAS.
- 3 Tajuk PETUNJUK kandungan makalah.
- 4 Nyatakan FAKTA sejelas mungkin; malah dengan BERANI.
- 5 Ingat ETIKA penerbitan.
- 6 Nyatakan SUMBER pembentukan penyelidikan.
- 7 BACALAH, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, Yang mengajar manusia melalui PENA dan TULISAN.
- 8 Ingat AFILIASI UKM.
- 9 "MELONJAK PENERBITAN ADALAH AZAM SEMUA WARGA UKM"
- 10 Tanpa Penerbitan Penyelidikan Tiada Makna !!

"MELONJAK PENERBITAN  
ADALAH AZAM SEMUA WARGA  
UKM"

Tanpa Penerbitan Penyelidikan Tiada Makna !!



## Sekilas Pandang Audit MyRA®



## Sidang Pengarang

Prof. Dr. Muhammad Fauzi Mohd. Zain  
Prof. Dr. Ruzy Suliza Hashim  
Dr. Wan Rosmanira Ismail  
Encik Ramli Abdullah  
Puan Siti Noraida Sood  
Encik Mohamad Shahril Hussain  
Puan Dahlia Abdul Kadir



## Reka Bentuk Grafik / Jurufoto

Encik Mohammad Shah Kirin Zamberi  
Encik Mohamad Shahril Hussain



## Hubungi Kami

Pusat Pengurusan Penyelidikan  
dan Instrumentasi (CRIM),  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi, Selangor.  
Tel: 03-8921 3095 / 3096  
Email: drmc@ukm.edu.my